

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015

SOALAN :

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi
mengurangkan kesan penurunan harga getah yang jatuh menjunam
hingga RM2 sekilo terhadap penoreh getah yang rata-ratanya berada di
luar bandar dan menerima kesan langsung dari segi kedudukan
ekonomi mereka.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap taraf hidup pengusaha tanaman getah yang kebanyakannya terdiri daripada pekebun kecil luar bandar.

Sehubungan dengan itu, bagi membantu pekebun kecil di seluruh negara, Kerajaan telah merangka jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang melibatkan pelaksanaan dua program seperti berikut:

- (i) Melaksanakan skim bantuan khas sebanyak RM500 seorang secara *one off* untuk pekebun kecil sebagai langkah segera dan skim ini telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2014; dan
- (ii) Melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai Januari 2015. Dalam Bajet 2016, Kerajaan telah menaikkan Paras Harga Pengaktifan IPG daripada RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram atau apabila purata bulanan harga *cuplumps* mencecah RM2.20 sekilogram ke bawah berbanding dengan RM2.00 sekilogram sekarang bermula Januari 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mula membayar IPG kepada pekebun kecil getah di Sabah bagi pengeluaran bulan September, Oktober dan November manakala pekebun kecil

Sarawak layak menerima insentif ini bagi pengeluaran bulan Oktober dan November tahun ini. Insentif IPG juga akan dibayar kepada pekebun kecil di Semenanjung Malaysia bagi pengeluaran bulan November yang lalu. Pembayaran ini adalah berdasarkan kepada purata bulanan harga *cuplumps* yang telah turun ke bawah paras RM 2.00 sekilogram dalam tempoh tersebut.

Selain daripada langkah-langkah tersebut, di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA – National Key Economic Areas), Kerajaan juga melaksanakan program tanam baru getah dan tanam semula getah di mana insentif sebanyak RM 9,230 sehektar disediakan untuk pekebun kecil getah di Semenanjung Malaysia, RM14,000 sehektar untuk Sabah dan RM13,500 sehektar untuk Sarawak. Bantuan ini diberi secara berperingkat dalam tempoh empat tahun setengah dan bantuan ini adalah dalam bentuk input pertanian termasuk benih, baja, racun rumpai dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.